

PERATURAN PEMARKAHAN

EKONOMI TINGKATAN 5

MODUL AMAN JAYA SPM 2018

KERTAS 2

TAJUK : 5.0 EKONOMI DAN KERAJAAN

STANDARD KANDUNGAN : 5.2 PENUNJUK EKONOMI

1. Jadual di bawah menunjukkan penunjuk ekonomi di Malaysia pada tahun 2014 hingga tahun 2016

Penunjuk Ekonomi Utama	Tahun 2014	2015	2016
Penduduk (juta orang)	30.7	31.2	31.7
Tenaga buruh (juta orang)	14.3	14.5	14.7
Guna tenaga (juta orang)	13.9	14.1	14.2
Pengangguran (% dari tenaga kerja)	2.9	3.1	3.4
KDNK pada harga malar 2010(RM bilion)	1012.4	1063.4	1108.2
KDNK pada harga malar 2010 (% perubahan)	6.0	5.0	4.2
Indeks harga pengguna (% perubahan)	3.2	2.1	2.1

a) Bilakah Malaysia mencatat kadar inflasi yang paling tinggi. (1 markah)

Tahun 2014

b) Dengan menggunakan jadual, jelaskan hubungan antara kadar pengangguran dengan peratus perubahan KDNK dari tahun 2014 hingga tahun 2016. (2 markah)

i kadar pengangguran semakin meningkat,

ii Disebabkan oleh penurunan dalam pertumbuhan KDNK.

c) Berikan lima kesan peningkatan kadar pengangguran kepada masyarakat. (5 markah)

I Pendapatan menurun

II kuasa beli menurun

III menimbulkan masalah kekeluargaan

IV kadar kemiskinan meningkat

V Taraf hidup menurun

d) Jelaskan arah aliran KDNK dari tahun 2014 hingga tahun 2016. (3 markah)

I Kadar pengangguran semakin meningkat dari tahun 2014 hingga 2016

II Ia meningkat dari 2.9% pada tahun 2014 kepada 3.1% pada tahun 2016.

III kemudian meningkat lagi kepada 3.4% pada 2016

e) Maklumat di bawah berkaitan dengan pusat latihan kemahiran di Malaysia.

Terdapat beratus-ratus pusat latihan kemahiran di Malaysia seperti GIATMARA, Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) serta Institut Latihan Perindustrian (ILP). Institusi-institusi sedemikian menyediakan pelbagai program latihan kemahiran dari peringkat sijil hingga ke peringkat Diploma Lanjutan.

I) Bagaimanakah penyertaan belia dalam program latihan anjuran institusi di atas dapat mengurangkan masalah pengangguran dalam kalangan belia di negara kita.

(4 markah)

I Meningkatkan kemahiran - belia dapat mempelajari kemahiran baharu dan sesuai dengan keperluan semasa

II Meningkatkan pendapatan – kemahiran yang tinggi akan meningkatkan pendapatan mereka.

III Menjimatkan kos – kerajaan akan membiayai kos latihan oleh itu belia akan lebih ramai yang terlibat dalam program ini.

IV kelayakan akademik – institusi latihan ini menawarkan kelayakan sehingga diploma dan ini memberi peluang kepada belia meningkatkan kemahiran.

II) Jelaskan sumbangan institusi latihan di atas kepada pertumbuhan ekonomi negara.

(5 markah)

i. Kemahiran – menyediakan program kemahiran yang sesuai dengan keperluan semasa industri

ii Produktiviti – kemahiran yang tinggi dikalangan pekerja akan meningkatkan produktiviti kerana akan dapat menghasilkan barangan yang berkualiti

iii. Tenaga buruh – institusi ini akan melahirkan lebih ramai tenaga mahir dan mengurangkan pergantungan pada pekerja asing.

lv Pelaburan – tenaga buruh yang mahir akan menarik lebih banyak pelaburan asing kerana pelabur yakin dengan kemampuan pekerja tempatan.

v. Pendapatan Negara- peningkatan kemahiran meningkatkan produktiviti dan ini akan meningkatkan pendapatan Negara.

2. a) Nyatakan kesan inflasi terhadap ekonomi dalam aspek berikut:

i) Pendapatan benar isi rumah (4 markah)

i. Pendapatan benar isirumah menurun

ii. Kuasa beli terjejas

iii. Permintaan barang menurun

iii.taraf hidup masyarakat menurun

ii)Nilai eksport negara (3 markah)

i. Apabila inflasi tolakan kos, harga barang akan meningkat, oleh itu barang yang dieksport relatif lebih mahal

ii Ini menyebabkan barang eksport kehilangan daya saing.

iii.Pendapatan negara dari sektor eksport berkurang

iii)Pengangguran (3 markah)

I inflasi sederhana membawa kesan positif kepada kadar pengangguran

II Firma akan menambahkan pengeluaran barang

III Oleh itu firma akan meningkatkan penggunaan guna tenaga

b) Jadual dibawah menunjukkan tenaga buruh dan guna tenaga Malaysia dari tahun 1985 hingga tahun 2010

Tahun	1985	1990	1995	2000	2005
Tenaga buruh (juta orang)	5 990	7 000	7 893	9 556	10 346

Guna tenaga (juta orang)	5 653	6 685	7 645	9 269	10 045
-----------------------------	-------	-------	-------	-------	--------

i) Nyatakan arah aliran kadar pengangguran bagi tahun 1985 hingga 1995
(4 markah)

I Pada tahun 1985, kadar pengangguran ialah 5.63%, dan merosot pada tahun 1990 sebanyak 1.13 %.

Pada tahun 1995, kadar pengangguran 4.50% telah menurun sebanyak 1.36% menjadi 3.14% pada tahun 1995.

ii) Terangkan dua jenis pengangguran yang kerap berlaku di negara Malaysia.
(4 markah)

I Pengangguran berstruktur

II Wujud apabila kemahiran buruh tidak lagi diminta oleh majikan kerana kekurangan kemahiran.

III Pengangguran geseran

IV Tindakan buruh yang memilih untuk tidak bekerja buat sementara waktu kerana ingin mencari pekerjaan yang lebih baik.

c) Mengapakah peningkatan KDNK membawa kepada peningkatan dalam kadar inflasi?
(5 markah)

i. peningkatan KDNK menyebabkan peningkatan pendapatan Masyarakat

ii. Ini menyebabkan kuasa beli masyarakat meningkat..

iii . Permintaan barang dan perkhidmatan akan meningkat

iv . Jika ekonomi dalam gunatenaga penuh, pengeluar sukar tambah pengeluaran kerana sukar tambah buruh

v.oleh itu harga barang dan perkhidmatan akan meningkat

d) Jelaskan kesan peningkatan KDNK terhadap ekonomi Malaysia.
(5 markah)

i. Penyediaan banyak peluang infrastruktur fizikal yang lebih baik seperti system jalanraya, meningkatkan kecekapan firma

ii.peningkatan taraf pendidikan penduduk dengan penyediaan banyak peluang pekerjaan.

III Peningkatan sifat keusahawanan di kalangan pengeluar dengan menyediakan pelbagai pilihan barang dan perkhidmatan

IV kestabilan politik dan sosial menyebabkan peningkatan kemakmuran negara

3. Jadual di bawah menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi di Malaysia dari tahun 2010 hingga tahun 2015.

Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun 2010 hingga tahun 2015(2010 =100)

Tahun	Kadar pertumbuhan ekonomi (%)
2010	-
2011	5.29
2012	5.47
2013	4.69
2014	6.01
2015	4.97

Berdasarkan jadual di atas,

a) Terangkan arah aliran kadar pertumbuhan ekonomi di Malaysia dari tahun 2010 hingga tahun 2015.

(3 markah)

- Dari tahun 2011 hingga 2012, kadar pertumbuhan ekonomi menunjukkan peningkatan sebanyak 0.18%
- Dari tahun 2012 hingga 2013, kadar ini menurun sebanyak 0.78%
- Dari tahun 2013 hingga 2014, kadar ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.23%
- Dari tahun 2014 hingga 2015 , kadar ini menunjukkan penurunan semula sebanyak 1.04%

b) Jelaskan bagaimana kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan mengurangkan kadar pengangguran. (5 markah)

i. Peningkatan taraf pendidikan

- kerajaan dapat menyediakan institusi pengajian tinggi awam dan institusi latihan kemahiran dan vokasional, selain itu institusi pengajian tinggi swasta juga wujud dalam pelbagai bidang pengajian.

- Oleh itu dapat melahirkan insan berbakat, mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif, berpengetahuan tinggi dan mampu menyelesaikan masalah.

- Langkah ini dapat menyebabkan tenaga kerja lebih berdaya saing, berkelayakan dan berkemahiran tinggi seterusnya kadar pengangguran dapat dikurangkan

c)Mengapakah kerajaan mengutamakan pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah negara?

(4 markah)

- i. Dapat menarik minat pelabur asing untuk melabur dalam Negara
- ii. Dapat meningkatkan kuasa beli dan permintaan barang di kalangan rakyat
- iii. Dapat meningkatkan pengeluaran barang dan perkhidmatan
- iv. Dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat

BAHAGIAN B

1. Rajah di bawah menunjukkan industri pembuatan roti di Malaysia.



a) Jelaskan kesan penggunaan teknologi kepada pengguna dan pengeluar.(12 markah)

SKEMA

Tahap 1 (1-4m)

Definisi + fakta + contoh(pengguna dan pengeluar)

Definisi Kemajuan teknologi – peningkatan tahap pengetahuan semasa dalam menggabungkan sumber bagi menghasilkan produk yang dikehendaki

Kemajuan teknologi dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran dan juga menjimatkan masa pengguna

Terima contoh lain : penggunaan teknologi moden dari Jepun dalam pembuatan kereta Perodua, penggunaan perbankan internet bagi pengguna

Tahap 2 (5-8m)

Definisi + fakta + contoh + kesan(pengguna dan pengeluar)

Definisi Kemajuan teknologi - peningkatan tahap pengetahuan semasa dalam menggabungkan sumber bagi menghasilkan produk yang dikehendaki

Kemajuan teknologi dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran dan menjimatkan masa pengguna

Terima contoh lain : penggunaan teknologi moden dari Jepun dalam pembuatan kereta Perodua , penggunaan perbankan internet bagi pengguna

kesan pada pengeluar – mengurangkan kos pengeluaran, menambah pengeluaran, pendapatan firma meningkat, meningkatkan produktiviti, meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa.

e. kesan pada pengguna – dapat menikmati barang yang bermutu dan memaksimumkan kepuasan, mempelbagaikan pilihan pengguna.

Tahap 3 (9 -12m)

Definisi + fakta + contoh + kesan positif + kesan negatif (pengeluar dan pengguna)+ cadangan atasi

Definisi Kemajuan teknologi - peningkatan tahap pengetahuan semasa dalam menggabungkan sumber bagi menghasilkan produk yang dikehendaki

Kemajuan teknologi dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran dan menjimatkan masa.

Terima contoh lain : penggunaan mesin canggih dalam penghasilan kereta Perodua dan perbankan internet bagi pengguna

kesan pada pengeluar – mengurangkan kos pengeluaran, menambah pengeluaran, pendapatan firma meningkat, meningkatkan produktiviti, meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa.

kesan pada pengguna – dapat menikmati barang yang bermutu dan memaksimumkan kepuasan, mempelbagaikan pilihan pengguna

kesan negatif pada pengguna – mengurangkan tenaga buruh, meningkatkan kadar pengangguran, meningkatkan kesan sosial negatif seperti peningkatan kes jenayah.

kesan negatif pada pengeluaran-

Cadangan mengatasi- menguatkuasakan undang-undang

b) Mengapakah pengeluaran kurang membuat pelaburan dalam pembangunan teknologi

pengeluaran.

(8 markah)

SKEMA

Tahap 1 (1-3m)

fakta + contoh

Definisi Pembangunan teknologi- pembangunan dan penggunaan alatan, mesin, bahan dan proses

untuk menyelesaikan masalah manusia

contoh: penggunaan mesin pembuatan kereta yang canggih dari Jepun

Tahap 2 (4-6m)

fakta + contoh + sebab

Pembangunan teknologi-pembangunan dan penggunaan alatan, mesin, bahan dan proses untuk menyelesaikan masalah manusia

contoh: penggunaan mesin pembuatan kereta yang canggih dari Jepun

Sebab- melibatkan kos yang tinggi, memerlukan pelaburan yang banyak, kekurangan modal, kekurangan pekerja yang berkemahiran, permintaan rendah, saiz pengeluaran yang ada kecil

Tahap 3 (7-8m)

fakta + contoh + sebab + cadangan

Definisi Pembangunan teknologi- pembangunan dan penggunaan alatan, mesin, bahan dan proses untuk menyelesaikan masalah manusia.

contoh: penggunaan mesin pembuatan kereta yang canggih dari Jepun

sebab- melibatkan kos yang tinggi, memerlukan pelaburan yang banyak, kekurangan modal, kekurangan pekerja yang berkemahiran, permintaan rendah, saiz pengeluaran yang ada kecil

cadangan-pemberian insentif dari kerajaan melalui subsidi , menggalakkan pemindahan teknologi, menggalakkan pelaburan asing.

2. Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan pertumbuhan ekonomi negara

Dana Monetari Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan tahunan ekonomi dunia bagi tahun 2017 sekitar 3.5 peratus. Malaysia berada dalam kelompok yang dikategorikan sebagai emerging economies, dengan purata pertumbuhan 4.5 peratus.

Oleh itu apabila Malaysia mencapai pertumbuhan 4.8 peratus, maknanya ekonomi negara ini berada di paras pertumbuhan yang kekal progresif, jauh lebih baik dari kebanyakan negara di dunia.

Sumber: diubahsuai daripada <http://www.utusan.com.my>

Huraikan kesan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

(10 markah)

SKEMA

Tahap 1 (1-4m)

Definisi + fakta + contoh/huraian

Definisi- perkembangan kegiatan ekonomi dari semasa ke semasa yang menyebabkan peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar

Pertumbuhan ekonomi adalah kayu ukur kepada prestasi pembangunan sesebuah negara.

Sebab pertumbuhan ekonomi- sumber alam semulajadi yang banyak, kemajuan teknologi, jumlah penduduk dan bekalan tenaga buruh yang banyak.

Tahap 2 (5-6m)

Definisi + fakta + contoh/huraian + kesan positif

Definisi- perkembangan kegiatan ekonomi dari semasa ke semasa yang menyebabkan peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar

Pertumbuhan ekonomi adalah kayu ukur kepada prestasi pembangunan sesebuah negara.

Sebab pertumbuhan ekonomi- sumber alam semulajadi yang banyak, kemajuan teknologi, jumlah penduduk dan bekalan tenaga buruh yang banyak.

Kesan positif – peningkatan taraf pendidikan penduduk, peningkatan sifat keusahawanan, penyediaan banyak infrastruktur fizikal, kestabilan positif dan sosial.

Tahap 3 (7-10m)

Definisi + fakta + contoh/huraian + kesan positif + kesan negatif

Definisi- perkembangan kegiatan ekonomi dari semasa ke semasa yang menyebabkan peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar

Pertumbuhan ekonomi adalah kayu ukur kepada prestasi pembangunan sesebuah negara.

sebab pertumbuhan ekonomi- sumber alam semulajadi yang banyak, kemajuan teknologi, jumlah penduduk dan bekalan tenaga buruh yang banyak.

Kesan positif – peningkatan taraf pendidikan penduduk, peningkatan sifat keusahawanan, penyediaan banyak infrastruktur fizikal, kestabilan positif dan sosial.

Kesan negatif- peningkatan gejala sosial

b) Jelaskan kesan peningkatan pelaburan asing terhadap pertumbuhan ekonomi negara

(10 markah)

Definisi + contoh

Definisi-pelaburan langsung asing ialah pelaburan yang dibuat oleh firma atau individu dari luar Negara untuk memulakan operasi perniagaan atau membeli aset perniagaan sedia ada

Contoh: pelaburan langsung FDI China ke Malaysia –pembinaan Kompleks Pelabuhan Melaka RM43 bilion

Definisi + contoh

Definisi-pelaburan langsung asing ialah pelaburan yang dibuat oleh firma atau individu dari luar Negara untuk memulakan operasi perniagaan atau membeli aset perniagaan sedia ada

Contoh: pelaburan langsung FDI China ke Malaysia- pembinaan Kompleks Pelabuhan Melaka RM43 bilion

Kesan positif

- Pemindahan teknologi
- Peningkatan peluang pekerjaan
- Peningkatan pendapatan masyarakat
- Peningkatan taraf hidup masyarakat
- imbangan pembayaran cenderung menjadi positif
- nilai ringgit Malaysia meningkat

Definisi + contoh + kesan positif dan kesan negative dan cadangan

Definisi-pelaburan langsung asing ialah pelaburan yang dibuat oleh firma atau individu dari luar Negara untuk memulakan operasi perniagaan atau membeli aset perniagaan sedia ada

Contoh: pelaburan langsung FDI China ke Malaysia- pembinaan Kompleks Pelabuhan Melaka RM43 bilion

Kesan positif

- Pemindahan teknologi
- Peningkatan peluang pekerjaan
- Peningkatan pendapatan masyarakat
- Peningkatan taraf hidup masyarakat
- imbangan pembayaran cenderung menjadi positif
- nilai ringgit Malaysia meningkat

. Kesan negative

- peningkatan kadar pencemaran sungai

Cadangan

- pemantauan dari Jabatan Alam Sekitar